

BULETIN PATRIOT

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Sambutan Bulan Kebangsaan 2023 Peringkat MinDef

Istimewanya sambutan kali ini, bangunan Wisma Pertahanan turut dihiasi dengan Jalur Gemilang di setiap sudut dalam dan luar bangunan.



SELANJUTNYA DI MUKASURAT 14

Siber Siaga 2023 & Cyber DSA 2023

Menyatukan Industri Keselamatan Siber Malaysia Dan Asean



SELANJUTNYA DI MUKASURAT 6

LIMA '23

LANGKAWI

KEMBALI BERAKSI "GEGAR" LANGKAWI



EDISI 2/2023 (Mei-Ogos)

ISSN 1511-1849

ISI KANDUNGAN

BULETIN PATRIOT EDISI 2/2023

- 02 ISI KANDUNGAN
- 03 EDITORIAL
- 04 LIMA'23 KEMBALI BERAKSI "GEGAR" LANGKAWI
- 06 SIBER SIAGA 2023 DAN CYBER DSA 2023: MENYATUKAN INDUSTRI KESELAMATAN SIBER MALAYSIA DAN ASEAN
- 08 SHANGRI-LA *DIALOGUE* 2023: PERKUKUH HUBUNGAN NEGARA SERANTAU
- 09 KEMPEN TABUNG PAHLAWAN 2023: KOMITMEN KEMENTERIAN PERTAHANAN PERKASA VETERAN ATM
- 10 PUVET ATM PEMANGKIN KEUSAHAWANAN VETERAN TENTERA
- 11 TERIMA KASIH DAN SELAMAT BERSARA: YBHG. DATO' SRI MUEZ BIN ABD AZIZ
- 12 MESYUARAT KE-17 *HIGH LEVEL COMMITTEE* (HLC) MALINDO PERKUKUH KERJASAMA MALAYSIA-INDONESIA
- 13 HARI BERSAMA PELANGGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN SIRI 2/2023
- 14 SAMBUTAN BULAN KEBANGSAAN PERINGKAT MINDEF
- 16 D'PARAWOOD JUARA *BATTLE OF THE BANDS* TENTERA DARAT 2023
- 17 26 TAHUN KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL
- 18 EKSESAIS *PACIFIC AIRLIFT RALLY* 2023
- 19 PROGRAM *OUTREACH* SULH ATM BINA KEKUATAN MODAL INSAN
- 20 KURSUS *SMART INTEGRITI* 2023
- 21 PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENTAL (CARES) KEMENTERIAN PERTAHANAN 2023
- 22 MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK) BIL. 9/2023
- 23 *SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE* DAN SESI PERJUMPAAN TAHUNAN PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM BERSAMA JHEV ATM
- 24 KEUPAYAAN STRIDE DALAM KAJIAN AKUSTIK BAWAH AIR
- 26 PROGRAM EKSPLORASI @ *HIKING* TAMAN BUKIT TUGU
- 26 SENAM SENI BULAN KEBANGSAAN 2023
- 27 PROGRAM LESEN MOTOSIKAL BERKELOMPOK KELAS B KEMENTERIAN PERTAHANAN
- 27 PENCAPAIAN PASUKAN BOLA SEPAK LELAKI KAKEP DALAM KEJOHANAN BOLA SEPAK MAKSWIP 2023
- 28 BICARA PSIKOLOGI: KUASA PERKATAAN POSITIF
- 30 PENYAMPAIAN DERMASISWA PREMIUM DAN KOMPUTER RIBA HARGAI KECEMERLANGAN ANAK WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN
- 31 TAHUKAH ANDA – DSA 2024
- 32 IKLAN KOPERASI TENTERA



Dari Meja Editor

Sentiasa Berintegriti

Integriti adalah rasa "keutuhan" dalaman yang berasal daripada kualiti seperti kejujuran dan sifat ketekalan. Sifat ini merupakan satu (1) elemen penting yang perlu ada dalam setiap individu demi memastikan kemajuan serta keutuhan sebuah organisasi. **Sebagai penjawat awam, integriti ialah melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan berlandaskan undang-undang serta garis panduan yang telah ditetapkan.**

Integriti bermula daripada diri sendiri. Jika setiap individu mengamalkan sifat ini, ia akan memberi kesan yang positif terhadap sesebuah organisasi. Cabaran integriti juga berbeza bagi setiap individu kerana semakin tinggi jawatan seseorang, semakin kuat cabaran integriti yang perlu dihadapi. Oleh yang demikian, pegangan teguh pada nilai integriti dalam diri akan menghindar daripada berlakunya pecah amanah yang merugikan diri sendiri serta orang lain.

Akhir kata, integriti bermula dengan niat. Sehubungan itu, kita perlu memperbetulkan niat dalam bekerja supaya hasil daripada tugas yang dilaksanakan akan memberi manfaat kepada diri sendiri, organisasi serta pihak yang menerima khidmat daripada kita. Sentiasa meletakkan diri kita dalam keadaan yang berintegriti walau apa jua cabaran yang dihadapi semasa melaksanakan tugas.

SIDANG EDITORIAL PATRIOT EDISI 2/2023

Penaung

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan

Penasihat

Adreena binti Abdul Majid
Ketua Komunikasi Strategik

Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

Penolong Ketua Editor

Lt Kol Zuhairy bin Limat

Editor

Mej Hafiza bin Ismail
Norazlin binti Jalik
Lt Kdr Mohamad Ridzwan bin Mohamad Yusoff TLDM
Mej Ezrie Hanif bin Yusoff TUDM
Muhammad Syurahbil bin Hashim
Mazaitul Azwa binti Abdullah

Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan
Nurul Sakina binti Ariffin

Foto

Unit Komunikasi Strategik;
Perhubungan Raya Tentera Darat;
Bahagian Komunikasi Strategik Tentera Laut Diraja Malaysia;
Sekretariat D Tentera Udara Diraja Malaysia;
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan; dan
Angkatan Tentera Malaysia.

Tel : 03 - 4012 3305
Web : www.mod.gov.my
e-mel : penerbitan.uks@gmail.com
facebook : Kementerian Pertahanan Malaysia
Instagram : [mindefmalaysia](https://www.instagram.com/mindefmalaysia)
Twitter : [@MINDEFMalaysia](https://twitter.com/MINDEFMalaysia)
Youtube : [KementerianPertahananMalaysia](https://www.youtube.com/KementerianPertahananMalaysia)
Telegram : [MINDEF_UPDATE](https://www.telegram.com/MINDEF_UPDATE)
Tiktok : [mindefmalaysia](https://www.tiktok.com/mindefmalaysia)



Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2023 (LIMA'23) merupakan acara dwitahunan dan salah satu (1) pameran maritim dan aeroangkasa terbesar di Asia-Pasifik. Kali terakhir LIMA diadakan ialah pada tahun 2019 sebelum wabak COVID-19 melanda seluruh dunia dan penganjuran pameran kali ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua pihak.

Acara yang bertemakan “Perhubungan Perdagangan Maritim dan Aeroangkasa Asia” telah diadakan selama lima (5) hari bermula 23 hingga 27 Mei 2023 bertempat di dua (2) lokasi berbeza iaitu Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) dan Resort World Langkawi (RWL).





LIMA'23 dianjurkan bersama Kementerian Pertahanan (MinDef), Kementerian Pengangkutan (MOF) dan Alpine Integrated Solution Sdn. Bhd. Sebanyak 600 buah syarikat daripada 30 buah negara yang terlibat dalam pameran LIMA'23, merangkumi sektor pertahanan/ keselamatan dan komersial dengan menampilkan 20 *Pavillon International* antaranya terdiri daripada Amerika Syarikat, China, United Kingdom, Perancis, Indonesia, Itali, Turkiye, Brazil, Jerman, Singapura, Korea Selatan, Pakistan, India, Bangladesh, Arab Saudi, United Arab Emirates (UAE), Republik Czech dan lain-lain.



Seramai 250,000 pelawat awam telah menghadiri *venue* pameran aeroangkasa di MIEC dan maritim di RWL pada dua (2) hari terakhir penganjuran LIMA'23 yang telah dibuka kepada orang awam. Selain pameran, terdapat juga beberapa aktiviti yang disediakan kepada pengunjung yang hadir antaranya forum, persidangan, perlumbaan dron, simulator penerbangan, ceramah teknologi dan pameran kerjaya. Secara tidak langsung, acara seperti ini menjadi platform bagi pemain industri tempatan menjalin rangkaian untuk pembangunan perniagaan. Aksi aerobatik yang memukau dari lima (5) buah negara telah menjadi tarikan utama dan acara yang dinanti-nantikan oleh pengunjung yang hadir. Antaranya adalah dari Russian Knight; Russia, August 1st; China, Black Eagle; Korea Selatan, Fursan Al Emarat; Emiriah Arab Bersatu dan Jupiter; Indonesia. Rata-rata pengunjung yang hadir berasa kagum dan teruja dengan aksi-aksi aerobatik yang telah dipersembahkan oleh juruterbang yang begitu handal dan cekap mengendalikan pesawat.

Sepanjang program ini berlangsung sebanyak 43 urus niaga bernilai RM10.128billion telah ditandatangani oleh pemain industri pertahanan terdiri daripada 20 kontrak, 21 Surat Penerimaan (LOA) dan dua (2) Surat Niat (LOI). LIMA'23 telah melabuhkan tirainya pada 27 Mei 2023 dan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan bersama dengan YB Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.

SIBER SIAGA 2023 DAN CYBER DSA 2023

MENYATUKAN INDUSTRI
KESELAMATAN SIBER
MALAYSIA DAN ASEAN



Siber Siaga 2023 dan Cyber DSA 2023 telah berlangsung dengan jayanya pada 15 hingga 17 Ogos 2023 bertempat di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC). Acara ini telah dihadiri oleh pelbagai tokoh terkemuka dalam industri keselamatan siber. “Mempertahankan Ruang Siber dan Kedaulatan Negara” merupakan tema pada kali ini yang dilihat sangat bertepatan dengan perkembangan teknologi yang berkembang maju, telah menghasilkan pelbagai cabaran baharu dalam melindungi kepentingan organisasi dan negara sama ada di alam maya mahupun digital.






Majlis perasmian Siber Siaga 2023 telah disempurnakan oleh YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan. Menurut beliau kerjasama antara agensi dalam menghadapi ancaman siber yang semakin kompleks adalah sangat penting. Penganjuran kali ini merupakan salah satu platform yang terbaik dalam mengumpulkan golongan profesional, pemimpin industri untuk berbincang, bertukar-tukar pandangan dan seterusnya mendapat kesepakatan dalam mengambil langkah proaktif berhubung keselamatan siber negara.

Beberapa forum yang menarik telah diadakan sepanjang program ini berlangsung. Antara tajuk forum dan perbincangan ilmiah yang diketengahkan adalah "Medan Pertempuran Digital Moden: Ketersambungan, Kematian, Autonomi & Kemampunan," *Empowering Your Digital Fortress - Strategies and Best Practices for a Resilient Cyber Security Backbone, Celebrating Woman in Digital Transformation Networking Session, Security Fabric, The Strategic Approach to Cybersecurity Architecture, Defending Against Evolving Threats with Advanced Protection and Threat Intelligence, Cyber Operations, Unleash the Unstoppable Enterprise: Empowering Business Through Visibility in Complex Digital Ecosystem, Secure Mobile Communication on The Edge: Dare More Innovation, Cyber Security as a Service: Enhancing Protection, Efficiency & Resilience dan Adding Zero Trust Data to Defence Infrastructures*. Selain itu, terdapat beberapa aktiviti lain merangkumi pameran produk-produk keselamatan siber, produk integrasi pertahanan serta teknologi-teknologi baharu yang bukan sahaja untuk kegunaan dalam negara, malah boleh digunakan dengan serasi (compatible) oleh komuniti global amnya turut diadakan.

Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) juga telah berjaya mengadakan persidangan ASEAN Cyber Defence (ACDN) kali kedua. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Laksamana Muda Dato' Ts. Shamsuddin bin Hj Ludin, Ketua Pengarah BSEP. Pada persidangan ini, para pemimpin siber negara ASEAN juga telah berkumpul dan bertukar pendapat dalam memastikan agenda keselamatan siber dapat dibina dan diperkembangkan seterusnya membuka ruang kerjasama dalam membentuk satu komuniti siber ASEAN. Beberapa keputusan telah diperolehi dalam membangunkan keupayaan siber dalam kalangan negara ahli ASEAN.

Siber Siaga 2023 dan Cyber DSA 2023 yang dibuka kepada masyarakat awam telah menarik perhatian 70 syarikat untuk mengambil bahagian di samping 1100 orang ahli-ahli profesional, 18 universiti tempatan, agensi-agensi kerajaan dan warga ATM sendiri.



SHANGRI-LA DIALOGUE 2023

PERKUKUH HUBUNGAN NEGARA SERANTAU

YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan telah menghadiri forum *Shangri-La Dialogue 2023 (SLD2023)* yang telah diadakan selama tiga (3) hari bermula 2 hingga 4 Jun 2023 bertempat di *Shangri-La Hotel, Singapura*. Forum ini merupakan forum keselamatan bertaraf antarabangsa dengan penglibatan daripada Menteri-menteri Pertahanan dan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan dari negara-negara di Rantau Asia Pasifik dan Benua Eropah. Sebanyak 41 buah negara telah menghadiri forum *Shangri-La Dialogue 2023 (SLD2023)*.



Melalui forum ini, YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan telah membuat pertemuan dua hala dan pelbagai hala bersama-sama rakan sejawat dari negara-negara strategik. Antara pertemuan dua hala adalah dengan TYT Carlito G. Galvez, Jr, *Senior Undersecretary, Officer In Charge, Department of National Defence Philippines*, TYT Dr Ng Eng Hen, Menteri Pertahanan Republik Singapura dan TYT Helena Carreiras, Menteri Pertahanan Portugal. Manakala bagi perjumpaan pelbagai hala pula, beliau telah menghadiri mesyuarat Amerika Syarikat-Asia Tenggara yang telah dipengerusikan oleh TYT Lloyd James Austin III, Setiausaha Pertahanan, Amerika Syarikat.

Hari kedua SLD2023, YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan telah menghadiri sesi mesyuarat tidak formal bersama Menteri-menteri Pertahanan negara *Five Power Defence Arrangement (FPDA)*. Pertemuan ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap FPDA dan seterusnya mengeratkan lagi persahabatan antara Malaysia dengan negara-negara FPDA yang telah terjalin sejak 52 tahun yang lalu. Seterusnya YB Menteri Pertahanan, menghadiri sesi plenari bertajuk *United States' Leadership In The Indo-Pacific* yang telah disampaikan oleh Lloyd James Austin III, Setiausaha Pertahanan, Amerika Syarikat. Turut diadakan juga pertemuan dua hala dengan Menteri Pertahanan China dan Menteri Pertahanan Netherlands. Beliau juga telah hadir ke Istana Singapura bagi sesi makan malam bersama Presiden Singapura.

Pada 4 Jun 2023, yang merupakan hari ketiga forum, YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan telah menghadiri sesi plenari bertajuk *China's New Security Initiatives* yang disampaikan oleh General Li Shangfu, Menteri Pertahanan China. Selain menghadiri sesi plenari, beliau berkesempatan untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan TYT Richard Marles, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Australia, serta bertemu dengan TYT Vivian Balakrishnan, Menteri Luar Singapura dan akhir sekali bersama dengan TYT Eng. Talal bin Abdullah bin Turki Al-Otaibi, Pembantu Menteri Pertahanan Arab Saudi.

Secara keseluruhannya, forum yang telah berlangsung selama tiga (3) hari, memberikan impak yang besar kepada Malaysia. Menerusi forum ini Malaysia sebagai peneraju dalam isu-isu pertahanan dan keselamatan di Asia Tenggara berpeluang bertukar-tukar pandangan serta mendengar pendirian negara-negara lain berhubung dengan isu-isu keselamatan terkini di samping memperkukuhkan hubungan pertahanan dengan negara-negara berkepentingan.



KEMPEN TABUNG PAHLAWAN 2023

KOMITMEN KEMENTERIAN PERTAHANAN PERKASA VETERAN ATM

Pelancaran Kempen Tabung Pahlawan 2023 (KTP 2023) telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan pada 22 Ogos 2023 bertempat di Dewan perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera. Bertemakan "Demi Mu Pahlawan Ku", kempen ini telah bermula pada bulan Ogos bertepatan dengan Bulan Kebangsaan dan akan diteruskan sehingga Julai 2024.

Objektif kempen ini bertujuan untuk merangsang serta meningkatkan semangat patriotisme dan seterusnya memupuk semangat menghargai jasa-jasa Veteran ATM atas perjuangan serta pengorbanan para Pahlawan Negara dalam mempertahankan dan mengekalkan kedaulatan, keselamatan serta keamanan negara Malaysia yang dicintai.

Selain daripada itu juga ianya merupakan satu tabung kecemasan bagi menyantuni komuniti Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang memerlukan bantuan sokongan yang mungkin tidak dapat disalurkan oleh kerajaan dalam keadaan tertentu. Sumbangan dari tabung ini akan digunakan untuk meringankan beban kewangan keluarga veteran terutamanya apabila terpaksa membeli peralatan pesakit yang tidak dapat dibekalkan oleh Jabatan Hal Ehwal ATM (JHEV).

Beberapa syarikat korporat telah tampil untuk menyalurkan sumbangan melalui KTP 2023 antaranya Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Boustead Holdings Bhd., Boustead Petroleum Marketing Sdn.Bhd. (BHPetrol), DRB-HICOM Defence Technologies Sdn. Bhd. (DEFTECH), Pasukhas Development Sdn.Bhd., Rasumi Medipharma Sdn. Bhd., Bank Muamalat Malaysia Berhad, Koperasi Tentera, SPANCO Sdn. Bhd. dan Akal Aspirasi Sdn. Bhd. Selain daripada syarikat-syarikat korporat, orang ramai yang ingin menyalurkan sumbangan juga boleh terus ke akaun Kempen Tabung Pahlawan 2023 menerusi akaun berikut :

a) Yayasan Veteran ATM

- Malayan Banking Berhad – 5643 4262 2956
- CIMB Islamic Bank Berhad – 8604 2715 71

b) Tabung Rayuan Hari Pahlawan

- Affin Islamic Bank Berhad – 1059 5000 3201

c) <https://tabungpahlawan.com/>





PUVET ATM PEMANGKIN KEUSAHAWANAN VETERAN TENTERA

YB Adly Bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah melancarkan Program Pemerksaan Usahawan Veteran ATM (PUVET ATM) pada 13 Julai 2023 di Port Dickson, Negeri Sembilan. PUVET ATM yang dilaksana melalui Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) berperanan sebagai pemudah cara dan penghubung untuk mengenal pasti dan menyalurkan insentif keusahawanan yang merangkumi khidmat kepakaran, fasiliti, geran dan latihan yang diperlukan oleh Usahawan Veteran ATM untuk memajukan perniagaan mereka



Pada majlis tersebut seramai lima (5) orang Usahawan Veteran ATM telah terpilih untuk menerima padanan geran bernilai RM5,000.00 di bawah inisiatif Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Inisiatif ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Pada masa yang sama, YB Adly Bin Zahari telah berkesempatan mengadakan *Sharing Session* bersama 150 Veteran ATM yang terlibat dalam bidang keusahawanan dan menyampaikan 500 Bakul Rahmah kepada 19 Persatuan Veteran ATM Cawangan Negeri Sembilan untuk diagihkan kepada golongan veteran. Program PUVET ATM akan diteruskan ke negeri-negeri yang lain bagi mengenal pasti bentuk bantuan dan bimbingan keusahawanan yang diperlukan oleh Veteran ATM.



TERIMA KASIH & SELAMAT BERSARA

KSU MINDEF :
YBHG. DATO' SRI MUEZ
BIN ABD AZIZ

Tanggal 31 Mei 2023 merupakan tarikh akhir bagi perkhidmatan YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan. Beliau telah berkhidmat selama 28 tahun dalam perkhidmatan awam. Beliau dilantik sebagai KSU Kementerian Pertahanan pada 3 Februari 2020 dan sebelum itu beliau merupakan KSU di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang kini dikenali sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, merupakan seorang pemimpin yang banyak berjasa dan menabur bakti di Kementerian Pertahanan. Malah beliau juga turut disayangi serta disenangi oleh warga Kementerian Pertahanan. Pengalaman serta kredibiliti yang dimiliki YBhg. Dato' Sri Muez mampu menggalas amanah dan mendokong misi serta visi Kementerian Pertahanan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz telah diraikan oleh Warga Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sebagai simbolik mengakhiri perkhidmatan beliau dengan sesi 'clock out'. Selesai 'clock out' beliau telah mengambil tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) dan bersalaman dengan Warga Kerja Kementerian dan ATM sebelum meninggalkan Wisma Pertahanan.

Warga Kerja Kementerian Pertahanan mengucapkan Selamat Bersara dan Selamat Maju Jaya dalam apa jua bidang yang diceburi.




MESYUARAT KE-17 *HIGH LEVEL COMMITTEE* (HLC) MALINDO PERKUKUH KERJASAMA MALAYSIA-INDONESIA



Mesyuarat ke-17 *High Level Committee* (HLC) MALINDO antara Malaysia dan Indonesia telah diadakan pada 10 Ogos 2023 bertempat di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini diadakan setiap tahun dan akan dihoskan secara bergilir-gilir antara Malaysia dan Indonesia. Pada kali ini mesyuarat HLC telah dipengerusikan secara bersama oleh Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (Pengerusi HLC Malaysia) dan Laksamana TNI Yudo Margono, Panglima Tentera Nasional Indonesia (Pengerusi HLC Indonesia).

Mesyuarat Ke-17 HLC MALINDO telah membincangkan agenda utama mengenai aspek kerjasama di dalam bidang operasi dan perisikan kedua-dua buah negara. Selain itu, HLC MALINDO adalah sebagai landasan kepada kedua-dua Pengerusi Bersama dan semua ahli HLC MALINDO untuk bertemu secara rasmi bagi membincangkan isu-isu yang mempunyai kepentingan bersama terutamanya isu keselamatan di sepanjang kawasan sempadan yang dikongsi oleh Malaysia dan Indonesia. Perkara utama yang telah dibincangkan sepanjang mesyuarat ini merangkumi perkembangan semasa aspek kerjasama di bidang operasi dan perisikan, latihan dan pendidikan, kerjasama kepolisian dan sosial-ekonomi, dan ianya telah dibentangkan secara terperinci oleh semua badan-badan di bawah HLC MALINDO.



Kedua-dua Pengerusi Bersama juga senada, seia sekata dalam memberikan penekanan agar sinergi hubungan Malaysia dan Indonesia perlu diperkasa dan ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Kerjasama yang holistik dan komprehensif ini mampu memberikan impak yang positif serta mendatangkan pelbagai faedah bukan sahaja untuk kedua-dua negara, malah di seluruh kawasan serantau. Sikap hormat menghormati dan bertoleransi dalam pelbagai aspek kerjasama harus dijadikan sebagai asas utama dalam setiap interaksi yang dilaksanakan.



Di samping itu, kedua-dua Pengerusi juga memberi penekanan agar semua badan-badan di bawah HLC MALINDO terus berusaha bagi mencari peluang baharu dalam pelbagai bentuk kerjasama dengan lebih produktif. Ini bagi menyediakan kedua-dua negara dalam menghadapi ancaman situasi keselamatan yang semakin dinamik, mencabar dan tidak menentu. Di samping itu juga, adalah menjadi keutamaan agar keselamatan serta keamanan sempadan Malaysia dan Indonesia terus dikekalkan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

HARI BERSAMA PELANGGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN SIRI 2/2023

Kementerian Pertahanan menerusi Unit Komunikasi Strategik (UKS) telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan (HBP) Siri 2/2023 pada 6 Julai 2023 bertempat di Pangkalan Udara, Kuantan, Pahang. Program yang berkonsepkan *One Stop Centre* melalui perkhidmatan kaunter bertujuan memberi peluang kepada pelanggan seperti anggota tentera, termasuk keluarga dan Veteran ATM serta orang awam untuk mengemukakan pertanyaan dan menyelesaikan permasalahan serta aduan mereka. Secara tidak langsung program ini menjadi platform bagi pengunjung untuk mengemukakan cadangan serta maklum balas secara terus kepada pegawai-pegawai Anggota Tentera Malaysia (ATM) dan pihak Kementerian Pertahanan mengenai sesuatu perkhidmatan Kementerian Pertahanan dan agensi-agensi di bawahnya serta ATM.



Sebanyak 22 buah bahagian/ cawangan/ jabatan/ agensi pempamer yang telah terlibat dan memberikan komitmen yang tinggi sepanjang program ini diadakan. Antara yang terlibat ialah Bahagian Sumber Manusia yang melibatkan ketiga-tiga cabang iaitu Darat, Laut dan Udara, Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT), Jabatan Arah Rekod & Pencen (JRP), MK ATM – Bahagian Perkhidmatan Kesihatan (BPK), MK ATM – Bahagian Perkhidmatan Am (Sel Kebajikan), MK ATM – Bahagian Perkhidmatan Am (Sel Perumahan), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera Malaysia (PERHEBAT), Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, Lagenda Armada Sdn. Bhd. (Perumahan Awam), Tabung Haji Kuantan, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang, Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia, Hospital Tengku Ampuan Afzan (Unit Tabung Darah), Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

Selain pameran, turut diadakan program derma darah, ceramah kepada pelajar sekolah, cabutan bertuah dan lain-lain lagi. Seramai 943 orang pengunjung telah mengambil peluang hadir ke program tersebut. Program HBP ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan).





Sambutan Bulan Kebangsaan 2023

Peringkat MinDef

“Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan” merupakan tema yang diangkat sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023. Tema ini diinspirasi berdasarkan kepada komitmen pemimpin bersama rakyat bagi memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang aman dan sejahtera. Semangat perpaduan merupakan kunci bagi memastikan rakyat terus mengecapi keamanan dalam segala bentuk kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampunan budaya bangsa, keyakinan, saling hormat menghormati antara satu sama lain.

Bagi menyemarakkan dan menyuburkan semangat patriotisme, Kementerian Pertahanan (MinDef) telah mengambil inisiatif mengadakan Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang peringkat MinDef pada 22 Ogos 2023 bertempat di Dataran MinDef. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dalam kalangan Warga Kerja MinDef yang merangkumi anggota awam dan juga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).





Pelancaran kempen ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan. Menurut beliau, MinDef akan terus memfokuskan usaha untuk mengukuhkan pertahanan dan keselamatan, menjadikan perpaduan sebagai satu daya pendorong yang memberi inspirasi kepada tentera dan rakyat untuk bersatu menghadapi sebarang cabaran. Selain itu, rakyat Malaysia juga memainkan peranan penting dalam menyokong perpaduan dan ketahanan negara. Semangat bersatu padu, bekerjasama dengan semua komuniti, serta menjalin ikatan kekeluargaan yang erat di antara pihak awam dan tentera dapat membina keutuhan pertahanan negara.



Acara simbolik penyerahan Jalur Gemilang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan kepada YBhg. Datuk Dr. Shahrazat binti Hj Ahmad, Pemangku Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan mewakili Warga Kerja MinDef dan Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Laut mewakili seluruh Warga ATM. Majlis diakhiri dengan acara *flag off* dan perarakan masuk kenderaan-kenderaan MinDef dan ATM antaranya kenderaan Pemerintah Jenis Cendana dan GKM 1, kenderaan LRIV Pasukan Khusus ATM, Kereta Peronda dan Motosikal GTR Polis Tentera, Kereta Turus Perkhidmatan ATM, Kenderaan Utiliti dan Serbaguna Jabatan serta dua (2) buah Motosikal Scrambler.



Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang Bulan Kebangsaan antaranya pameran reruai oleh Bahagian dan Perkhidmatan ATM yang berkonsepkan Monumen Arca Menara Jam Sultan Abdul Samad yang berlatarbelakangkan panorama bangunan ikonik Kuala Lumpur. Selain daripada itu turut diadakan seni 'kolam' sempena logo rasmi hari Merdeka. Persatuan Suri dan Anggota Wanita (PUSPANITA) Cawangan MinDef dan Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) turut mengadakan pelbagai aktiviti kepada Warga MinDef antaranya program Senam Seni, pertandingan mewarna dan pakaian beragam yang bertemakan kemerdekaan, jualan *food truck*, Zumba Merdeka, Larian Merdeka, Ekspresi TikTok Merdeka dan lain-lain lagi. Bangunan Wisma Pertahanan turut dihiasi dengan Jalur Gemilang dan yang paling menarik pada waktu malam Wisma Pertahanan disinari limpahan cahaya lampu yang bertemakan empat (4) warna Jalur Gemilang. Selain daripada itu, Kementerian Pertahanan turut menyertai Pertandingan Keceriaan Antara Kementerian anjuran Jabatan Penerangan Malaysia.



D'PARAWOOD JUARA *BATTLE OF THE BANDS* TENTERA DARAT 2023

Pertandingan *Battle of The Bands* Peringkat Tentera Darat Malaysia (TDM) 2023 telah berlangsung pada 22 hingga 24 Jun 2023 di Dataran Sejarah Ayer Keroh, Melaka bersempena dengan penganjuran Melaka Agrofest 2023 dan Hari Tentera Darat yang ke-90. Malam kemuncak Pertandingan *Battle of The Bands* Tentera Darat telah berlangsung pada 24 Jun 2023. *Battle of The Bands* Tentera Darat dahulunya dikenali sebagai Ujian Kemahiran Muzik Tentera Darat (UKMZ), telah diperbaharui dari segi konsep dan ideanya sejak tiga (3) tahun yang lalu serta dikomersialkan bagi melahirkan pemuzik yang profesional.

Pertandingan kali ini menyaksikan pertembungan empat (4) kumpulan yang telah berjaya ke pusingan akhir bagi Kategori Jabatan Arah/ Kor dan empat (4) kumpulan bagi Kategori Formasi. Konsep pertandingan yang dilaksanakan memerlukan setiap Kumpulan Pemuzik mempersembahkan dua (2) buah lagu iaitu sebuah lagu patriotik ciptaan sendiri, mengikut gaya dan kreativiti tersendiri dan sebuah lagu semasa yang digubah susunan muziknya.

Kumpulan D'Parawood dari 10 Briged Para telah muncul juara *Battle of The Bands* Tentera Darat 2023 bagi Kategori Formasi dengan membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000.00 serta hadiah iringan dan piala pusingan. Kemenangan berganda juga milik kumpulan ini apabila turut memenangi kategori lagu patriotik ciptaan terbaik yang bertajuk Satu Jiwa, Satu Bangsa. Naib juara disandang Kumpulan Stallion Quatro dari 4 Divisyen dengan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM2,000.00 serta hadiah iringan dan tempat ketiga diraih N'Separang dari 5 Divisyen yang membawa pulang RM1,500.00 serta hadiah iringan.

Sementara itu, bagi kategori antara Jabatan Arah/ Kor, johan disandang Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Naib juara D'Electras dari Kor Jurutera Elektrik dan Jurutera Diraja (KJLJD) dan tempat ketiga menjadi milik D'Semenggos dari Kor Perkhidmatan Diraja (KPD).

Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan telah disampaikan oleh Jen Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Darat (PTD). Hadir sama bagi menyerikan acara pertandingan ini adalah YAB Datuk Seri Ab Rauf bin Yusoh, Ketua Menteri Melaka, Tunku Syed Razman Al-Qadri bin Almarhum Tunku Syed Idrus Al-Qadri, Yang Teramat Mulia Tunku Besar Tampin, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Timbalan Panglima Tentera Darat serta barisan Pegawai Kanan Tentera Darat Malaysia.



26 TAHUN KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL

Menelusuri 26 tahun KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL (KD LTAJ) di bawah pimpinan Armada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) beroperasi, begitu banyak sumbangan dan bakti yang telah diberikan kepada perairan negara kita. Kapal perang yang tidak asing lagi bagi *The Navy People* ini telah menyertai pelbagai ekseseis dan operasi antaranya Op BENTENG LAUT, Op PEJARAK, Ekseseis SEACAT 22 serta mengambil bahagian dalam *Defence Security Asia (DSA)*.

Mengimbuau kembali sejarah kapal perang ini, KD LTAJ merupakan sebuah kapal penyerang laju jenis Korvet (Misil) dan merupakan kapal perang terancangih dalam armada TLDM pada masa itu kerana memiliki kemampuan tempur dari aras permukaan ke permukaan, aras permukaan ke udara dan aras permukaan ke bawah permukaan air. Selain itu, kapal ini juga dilengkapi sistem SONAR penjejak jarak sederhana untuk mengesan kapal selam. Kapal ini juga turut dilengkapi torpedo, misil termasuk antimisil dan meriam yang berupaya menembak kapal serta pesawat berkelajuan tinggi.



KD LTAJ telah dilancarkan pada 2 Disember 1983 dan ditauliahkan pada 28 Julai 1997 di La Spezia, Itali oleh YBhg. Datin Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin, isteri kepada YB Datuk Syed Hamid Albar, Menteri Pertahanan pada ketika itu. Kemudiannya KD LTAJ telah diletakkan dalam Skuadron Korvet Ke-24 di bawah unit Flotila Serang.

Nama KD LTAJ diambil sempena tokoh tersohor Kesultanan Johor iaitu Laksamana Tun Abdul Jamil. Kapal yang asalnya berasaskan reka bentuk Itali ini telah mengalami pengubahsuaian mengikut keperluan TLDM. Spesifikasi kapal KD LTAJ adalah seperti berikut:



Panjang	63.2 meter
Lebar	9.3 meter
Sesaran	705 tan
Kemampuan Operasi Kapal	10 hari
Misil Permukaan ke Permukaan	OTOMAT MK 2
Misil Permukaan ke Udara	ASPIDE
Torpedo Anti Kapal Selam	White Head A244S
Meriam Utama	OTO MELARA 76/62 mm SRGM
Meriam Sekunder	OTO BREDA 40/70 mm
Pelancar Chaff	OTO BREDA 105 mm
Jumlah Krew	47 orang



Sempena 26 tahun usia KD LTAJ yang masih gah di lautan biru, krew KD LTAJ telah meraikan sambutan ulang tahun pertauliahkan dengan melaksanakan solat hajat serta doa selamat. Semoga kapal ini sentiasa berada pada tahap keupayaan yang tertinggi dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan perairan negara kekal terpelihara.

EKSES AIS PACIFIC AIRLIFT RALLY 2023

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah berjaya melaksanakan Ekse sais Pacific Airlift Rally (PAR) 2023 pada 14 hingga 18 Ogos 2023 bertempat di Clark Air Base, Filipina. Sebanyak 14 buah negara di wilayah Indo-Asia-Pasifik dengan kekuatan 779 peserta yang telah menyertai ekse sais PAR 2023 kali ini. Antara negara yang terlibat adalah Filipina, Malaysia, Indonesia, Jepun, Amerika Syarikat, Bangladesh, Brunei, Kanada, Maldives, Nepal, Sri Lanka, Timor-Leste, Singapura dan Mongolia. Bagi negara Malaysia seramai 11 orang pegawai TUDM, dua (2) orang pegawai perubatan, 12 anggota TUDM dan sebuah pesawat C-130H yang telah terlibat dalam ekse sais ini.



Antara objektif pelaksanaan ekse sais PAR 2023 adalah untuk meningkatkan kesediaan operasi kebole hoperasian selain dapat memupuk semangat kerjasama antarabangsa, perkongsian kepakaran di kalangan negara-negara yang menyertai ekse sais ini demi menjamin keselamatan serantau yang efisien. Ekse sais ini merangkumi *Field Training Exercise (FTX)*, *Table Top Exercises (TTX)* dan *Subject Matter Expert Exchanges (SMEE)*. Melalui TTX para peserta dapat melihat dengan lebih dekat proses penyediaan serta prosedur memasukkan muatan *Low Coast Low Altitude (LCLA)* ke dalam pesawat C-130 di Clark Air Base. Sebanyak 12 muatan LCLA telah disediakan oleh TUDM bersama-sama dengan anggota berkelayakan rigger daripada United States Air Force (USAF) dan juga Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara (TNI-AU). Selain itu, TUDM juga turut melaksanakan tinjauan di Drop Zone (DZ) Royce pada 14 Ogos 2023 yang terletak di Santa Rosa melalui jalan darat bersama dengan pegawai dan anggota daripada USAF. Tinjauan tersebut dilaksanakan bagi memastikan DZ berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan semasa pelaksanaan *live drop* muatan guguran udara. Secara keseluruhannya, dua (2) LCLA dengan berat berjumlah 600 lbs telah berjaya digugurkan oleh TUDM di DZ Royce.

Manakala melalui *Subject Matter Expert Exchanges (SMEE)-Aircraft Maintenance* dengan penglibatan TUDM, Philippine Air Force (PAF) dan Pacific Air Forces (PACAF) berpeluang mengenali perbezaan berkaitan propeller serta *propeller troubleshooting* diantara pesawat C-130H dan pesawat C-130J. Bagi program *Subject Matter Expert Exchange (SMEE)-Medical*, latihan simulasi *Mass Casualty (MASCAL)* dilaksanakan melibat senario kejadian gempa bumi. Melalui latihan tersebut prosedur dan rawatan awal diberi sebelum pesakit dipindahkan melalui kaedah *Aeromedical Evacuation*. Seterusnya peserta SMEE-Medical dari TUDM, PACAF dan TNI-AU juga berpeluang untuk mengikuti lawatan kerja di Clark Airforce Hospital. Selain itu, program FTX iaitu latihan Penerjunan Bebas Udara ataupun *Military Freefall (MFF)* telah berjaya dilaksanakan di DZ Royce, Santa Rosa menggunakan pesawat C-130H TUDM yang melibatkan 10 penerjun dari Philippine Army (PA) pada ketinggian 6000 kaki.

Penglibatan TUDM dalam ekse sais ini telah memberikan impak yang positif dalam meningkatkan kemahiran dan pengalaman pegawai serta anggota yang terlibat dalam pengoperasian Hantaran Udara di peringkat global.

PROGRAM OUTREACH SULH ATM MEMBINA KEKUATAN MODAL INSAN WARGA ATM

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) serta Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) telah mengambil inisiatif menganjurkan Program *Outreach Sulh* (OR Sulh) peringkat ATM. Program ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Hj Mohd Na'im bin Hj Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Dewan Sri Tanjung, Wisma Transit, Kuala Lumpur pada 11 Julai 2023. Turut hadir ialah Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT), Yang Amat Arif Dato' Hj Mohd Amran bin Hj Mat Zain, Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia serta wakil Panglima-panglima Perkhidmatan.



Objektif program ini adalah untuk memperkenalkan Sulh kepada warga ATM seterusnya melatih Pegawai dan LLP KAGAT dalam pengurusan Sulh melalui beberapa siri seminar dan kursus yang telah dirancang agar Sulh dapat dikembang baik kepada semua peringkat warga ATM. Seramai 120 orang warga Markas ATM dan JKSM telah menghadiri seminar yang julung kali diadakan secara kolaborasi antara kedua-dua organisasi tersebut. Program yang bertemakan “Kemuliaan Syariah Membina Keluarga Madani” ini bermatlamat untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada warga ATM berhubung pelaksanaan Sulh yang ditawarkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

PAT dalam ucapan pembukaannya menzahirkan harapan agar kaedah Sulh ini dapat memperkasakan pembangunan modal insan warga ATM terutamanya dalam kehidupan berumah tangga dan berkeluarga terutamanya golongan suami bagi menzahirkan ciri-ciri kepimpinan, antaranya dengan mengambil jalan perdamaian/ Sulh apabila menghadapi perbezaan pandangan dalam berumahtangga. Usaha meningkatkan aspek kebajikan ini juga menepati teras keutamaan yang digariskan dalam Perintah Ulung Panglima Angkatan Tentera iaitu Memperkasakan Warga ATM Yang Cemerlang dalam memperlengkapkan serta membangunkan modal insan Angkatan Masa Hadapan seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan.

Sulh yang dilaksanakan semenjak tahun 2002 terbukti merupakan salah satu alternatif penyelesaian kes secara efektif selain kaedah perbicaraan. Keberkesanan pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah membuktikan bahawa kaedah ini mampu menyelesaikan kes dalam tempoh yang lebih singkat, mengurangkan perseteruan dan mengelakkan penanguhan kes di Mahkamah Syariah. Antara kes yang dikehendaki menjalani prosiding Sulh termasuklah nafkah isteri, nafkah anak, idah, mut'ah, harta sepencarian, hadhanah, gantirugi pertunangan, ganti rugi perkahwinan dan tuntutan kembali taat. Selain Sulh, pelaksanaan majlis tahkim dan runding cara Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) juga merupakan antara kaedah penyelesaian alternatif yang diperkenalkan di Mahkamah Syariah seluruh negara.

KURSUS SMART INTEGRITI 2023

Kursus Smart Integriti 2023 telah diadakan dengan kerjasama JAKIM dan SPRM bertujuan menyemai kesedaran Integriti dan semangat berpasukan dalam bekerja serta membentuk sikap dan nilai yang teguh melalui pendekatan holistik bagi melahirkan kakitangan yang peka dan berintegriti tinggi.

Antara pengisian program ini adalah:

- a. Dimulakan dengan Slot "Salam Ukhuwwah" yang memecahkan benteng minda peserta, program ini disusuli Slot "Klinik Hati Anjung Nurani" dan "Terapi Fajar" yang memberi suasana baru kepada peserta menikmati suasana damai alam semulajadi, berdoa dan berencana pada awal pagi dengan aktiviti qiamullail dan pengisian rohani usai solat subuh berjemaah.
- b. Semangat juang dan berpasukan peserta dicabar dengan slot "Explorace Integrity" yang memerlukan ketajaman minda dan kecergasan jasmani. Manakala pada sebelah malam peserta didedahkan dengan "Qudwah".
- c. "Integrity" yang memupuk pembinaan 'role model' dan dibentangkan dengan realiti dan cabaran kehidupan yang pernah dan bakal ditempuhi. Slot "Azam dan Tekad" untuk pelan tindakan direncana dan dilaksanakan setelah program berakhir.
- d. Harapan dan hasrat penganjuran program ini adalah untuk membangunkan kesedaran integriti melalui pembangunan rohani dan jasmani serta nilai positif dalam diri kakitangan awam supaya menyumbang kepada 'work and life balance' lebih positif dalam melalui kehidupan dan tugas.
- e. Kombinasi barisan fasilitator berpengalaman daripada kedua-dua agensi dengan komitmen penuh para peserta, menjadikan program ini berjaya mencapai objektif penganjuran dan menjalin kerjasama lebih erat antara agensi selaras saranan kerajaan melalui "National Blue Ocean Strategy" (NBOS) yang menggalakkan penggabungan sumber untuk memaksimumkan hasil dan pencapaian.
- f. Program tiga (3) hari dua (2) malam ini telah berjaya dilaksanakan sebanyak dua (2) siri iaitu siri pertama telah diadakan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2023 bertempat di The Jerai Hil Gunung Jerai melibatkan 40 orang peserta dari Markas 6 Brigid Sungai Petani Kedah dan 30 Brigid Infantri Bukit Cowder Perlis. Manakala siri kedua berjaya dilaksanakan pada 28 hingga 30 Ogos 2023 bertempat di Grand Puteri Hotel Kuala Terengganu dengan penglibatan seramai 48 orang peserta merangkumi kakitangan MinDef dari Pangkalan Udara Gong Kedak dan Markas 8 Brigid Kelantan.

KURSUS SMART INTEGRITI SIRI 1 / 2023



KURSUS SMART INTEGRITI SIRI 2 / 2023



PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN MENTAL (CARES) KEMENTERIAN PERTAHANAN 2023

Artikel Oleh : Encik Wilson @ Vincent Peter Pramo
Cawangan Pengurusan Psikologi

Pandemik Covid-19 memberikan kesan yang sangat signifikan kepada keadaan kesihatan mental rakyat Malaysia. Isu kesihatan mental dalam kalangan rakyat negara ini berterusan sehingga kini *post pandemic* Covid 19. Statistik Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2015 mendedahkan satu per tiga rakyat Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas berdepan masalah mental. Pada tahun 2019 pula, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merekodkan sebanyak 2.3 peratus orang dewasa dan 9.5 peratus kanak-kanak berusia 10-15 tahun mengalami masalah mental. KKM mengunjurkan peratusan tersebut dijangka akan terus meningkat. Begitu juga statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial (MHPSS) iaitu inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, KKM meningkat lima (5) kali ganda bagi tahun 2022 berbanding tahun 2020 (Sumber: Berita Harian, Oktober 10, 2022).



Penjawat awam di Kementerian Pertahanan tidak terkecuali dalam isu masalah kesihatan mental ini. Oleh itu, Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah merancang dan melaksanakan Program Kesedaran Kesihatan Mental (CARES) kepada kakitangan awam kementerian. Program ini telah dilaksanakan pada 26 hingga 28 Julai 2023 di Hotel Sentral Seaview, Pulau Pinang.

Program CARES ini dirancang bertujuan meningkatkan pemahaman dan kesedaran berhubung kesihatan mental dan amalan kesihatan diri yang baik agar kesejahteraan mental sentiasa terjaga dalam melaksanakan tugas harian. Antara pengisian program adalah informasi tentang apa itu kesihatan mental, mengapa pentingnya menjaga kesihatan mental serta penjelasan tentang jenis-jenis gangguan mental yang umum, gejala-gejala yang mungkin dialami dan langkah-langkah untuk mengatasinya. Informasi berhubung kebiasaan yang dapat meningkatkan kesihatan mental seperti bersukan, tidur yang cukup, menjaga pola makan yang seimbang dan cara mengurus stress yang baik. Ujian penilaian kesihatan mental turut dijalankan semasa program CARES ini. Ujian ini bertujuan membantu peserta menilai tahap kesihatan mental peserta. Seterusnya peserta turut diberikan maklumat berhubung profesional dan organisasi yang boleh dirujuk atau menyediakan perkhidmatan bantuan berhubung isu kesihatan mental.

Natijahnya, isu kesihatan mental menjadi antara punca utama yang menjejaskan kesejahteraan fizikal dan sosial seseorang. Oleh yang demikian isu ini tidak boleh dipandang enteng dan usaha untuk mencegah dan menanganinya perlu dilakukan secara berterusan.



MESYUARAT MAJLIS VETERAN KEBANGSAAN (MVK) BILANGAN 9/2023

Artikel Oleh : Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
Kementerian Pertahanan Malaysia

Mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) Ke - 9 telah diadakan pada 15 Mei 2023 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan Malaysia di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Pertahanan. MVK pada kali ini merupakan yang pertama dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, selaku Menteri Pertahanan dan dihadiri oleh semua ahli yang telah dilantik.

Antara agenda perbincangan adalah hala tuju dan dasar kementerian terhadap kesejahteraan Veteran ATM. Kerajaan sentiasa dan akan terus menjaga kebajikan bekas perajurit tanah air. MVK telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dan merancang inisiatif-inisiatif bagi tujuan membantu serta menjaga kebajikan Veteran ATM sebagai fokus utama.

Turut hadir ialah YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan; YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Jen Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Angkatan Tentera (PAT); Mej Jen Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah JHEV ATM; Pegawai Tertinggi Kementerian Pertahanan serta Veteran ATM yang dilantik sebagai Ahli MVK



SOFT LAUNCH PORTAL VIBES 2.0 GO LIVE DAN SESI PERJUMPAAN TAHUNAN PERSATUAN-PERSATUAN VETERAN ATM BERSAMA JHEV ATM

Artikel Oleh : Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)
Kementerian Pertahanan Malaysia

YB Adly bin Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan *Soft Launch Portal VIBES 2.0 GO LIVE* bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Tekpi, Kuala Lumpur pada 21 Jun 2023. Pada majlis tersebut, YB Adly bin Zahari telah menyempurnakan gimik pelancaran Portal Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0 yang telah dibangunkan untuk kemudahan Veteran ATM dan waris mereka. JHEV ATM sentiasa memberikan komitmen sepenuhnya untuk memperkasa keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan Jabatan melalui inisiatif pendigitalan dan teknologi maklumat, terutamanya dengan pelaksanaan pembangunan Veteran Integrated Benefit System (VIBES) 2.0.



Pembangunan sistem VIBES 2.0 ini merupakan sistem teras Jabatan, selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) MINDEF 2021 – 2025: Memperkukuhkan perkhidmatan *end-to-end* (E2E) sistem ICT di Kementerian Pertahanan. Perkhidmatan dalam talian sepenuhnya ini akan menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan JHEV kepada Veteran ATM dan orang tanggungan mereka. Melalui sistem VIBES 2.0, keupayaan pengurusan, pemantauan dan pelaporan maklumat Veteran ATM dan waris akan lebih berkesan dan berintegriti. Selain itu, sistem yang dibangunkan tersebut akan menukar kaedah kerja konvensional melalui pengautomasian pemrosesan pelbagai perkhidmatan JHEV.

Dalam majlis yang sama juga telah berlangsung Sesi Perjumpaan Tahunan Persatuan-persatuan Veteran ATM bersama JHEV ATM. Sesi ini diadakan bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan Veteran ATM bagi menambah baik taraf perkhidmatan yang disalurkan oleh kerajaan melalui JHEV ATM.



KEUPAYAAN STRIDE DALAM KAJIAN AKUSTIK BAWAH AIR


Artikel Oleh : Norazlina binti Md Nasuddin,
Hasril bin Nain,
Muhammad Azrain bin Mohamad
Bahagian Teknologi Maritim, STRIDE

Pengetahuan dan kefahaman mengenai akustik bawah air merupakan satu daripada bidang terpenting dalam ketenteraan dan aspek pertahanan negara. Hal demikian adalah kerana kepakaran dalam bidang tersebut mampu memastikan keamanan wilayah maritim negara sentiasa terjamin serta terpelihara dari pencerobohan dan ancaman anasir luar. Bahkan, bidang tersebut juga amat signifikan dalam menilai persekitaran strategik keselamatan negara yang sentiasa berubah-ubah. Penerokaan dalam bidang akustik bawah air ini juga selari dengan salah satu teras dan objektif terpenting Kertas Putih Pertahanan 2022-2030 iaitu penyelidikan untuk meningkatkan keupayaan dan kesiagaan pertahanan negara.

Akustik bawah air lazimnya digunakan untuk mengesan pergerakan kapal selam, peperangan anti-kapal selam, peperangan anti-periuk api, serta mengesan *signature* akustik mana-mana kapal yang tidak diketahui. Akustik bawah air juga boleh diaplikasikan untuk memantau sebarang pencerobohan musuh di bawah air seperti kehadiran penyelam asing dan platform bawah air (underwater unmanned vessel-UUV) di kawasan strategik seperti di pangkalan tentera laut, pelabuhan dan lain-lain. Tenaga akustik bawah air ini dapat diukur dan dikesan dengan menggunakan transduser atau secara komersialnya lebih dikenali sebagai *hydrophone*.

Fasiliti Akustik STRIDE

Melalui peruntukan RMK 11, STRIDE Bahagian Teknologi Maritim (BTM) telah dilengkapi dengan fasiliti dan peralatan pengujian akustik bawah air. Matlamat pembangunan fasiliti ini adalah untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pengujian akustik bawah air berskala makmal. Pada peringkat permulaan ini, STRIDE BTM memfokuskan kepada kerja-kerja penentuan dan pengesahan transduser bawah air. Fasiliti yang diperoleh tersebut merangkumi sistem perkakasan seperti Rajah 1.





Rajah 1: Fasiliti dan perkakasan yang digunakan dalam pengujian akustik bawah air
(a) Kalibrator transduser, (b) Transduser 8103 dengan kabel integral, (c) Data Acquisition System (DAQ) (d) Penjana isyarat, (e) Perisian BK Connect@ dan (f) Kolam akustik

Kepentingan Penentuan dan Pengesahan Transduser

Pada masa ini, Malaysia masih bergantung sepenuhnya kepada kepakaran negara luar dalam menjalankan penentuan untuk mengesahkan tahap prestasi transduser bawah air. Malah, setakat ini masih tiada kemudahan atau organisasi di Malaysia yang diiktiraf serta mampu melaksanakan pengujian tahap keupayaan transduser bagi kegunaan ketenteraan dan komersial. Adalah sangat mustahak untuk mewujudkan sistem pengesahan transduser dalam persekitaran tropika, terutamanya bagi kegunaan tentera negara kita, dan secara tidak langsung dapat membangunkan teknologi dan kepakaran tempatan dalam bidang bawah air ke arah berdikari (self-reliance). Perkara ini akhirnya akan dapat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim dengan memaksimumkan potensinya sebagai pintu masuk antara rantau Asia-Pasifik dan Lautan Hindi. Di samping itu, maklumat berkaitan akustik bawah air bagi aset ketenteraan yang diklasifikasikan sebagai RAHSIA akan berisiko untuk terdedah kepada pihak luar sekiranya penentuan transduser dibuat di luar negara dek kerana kurang atau tiadanya kepakaran tempatan yang dibangunkan.

Secara keseluruhan, dengan adanya fasiliti ini STRIDE dapat menjadi sebuah badan yang mampu menjalankan kerja-kerja verifikasi transduser bawah air untuk pasukan pertahanan negara, terutamanya kepada TLDM. Sekaligus dengan ini pihak pengguna dapat mengurangkan kebergantungan kepada teknologi serta kepakaran pihak asing dan seterusnya dapat mengurangkan kos bagi aktiviti pengesahan sesebuah transduser di luar negara. Selain itu, isu kerahsiaan kebolehpayaan transduser bawah air bagi kegunaan pertahanan negara akan tetap terpelihara.



Rujukan

- [1] Hayes, H.C., 1920. Detection of submarines. *Proceedings of the American Philosophical Society*, 59(1), pp. 1-47.
- [2] Hayes, H.C., 1924. The sonic depth finder. *Proceedings of the American Philosophical Society*, 63(1), pp. 134-151.
- [3] Qureshi, U. M., Shaikh, F. K., Aziz, Z., Shah, S. M. Z. S., Sheikh, A. A., Felemban, E., & Qaisar, S. B., 2016. RF path and absorption loss estimation for underwater wireless sensor networks in different water environments. *Sensors*, 16(6), pp. 890.
- [4] Hayes, H.C., 1920. US navy MV type of hydrophone as an aid and safeguard to navigation. *Proceedings of the American Philosophical Society*, 59(5), pp. 371-404.
- [5] Lillis, A., Caruso, F., Mooney, T.A., Llopiz, J., Bohnenstiehl, D. & Eggleston, D.B., 2018. Drifting hydrophones as an ecologically meaningful approach to underwater soundscape measurement in coastal benthic habitats. *Journal of Ecoacoustics*, 2(10.22261).
- [6] Meng, Z., Chen, W., Wang, J., Hu, X., Chen, M. & Zhang, Y., 2021. Recent progress in fiber-optic hydrophones. *Photonic Sensors*, 11(1), pp. 109-122.
- [7] Fang, Y.Y., Chou, S.E., Chen, C., Huang, C.K. & Liu, M.C., 2014, April. Low frequency ambient noise variation of underwater acoustic data from MACHO hydrophone. In *OCEANS 2014-TAIPEI* (pp. 1-7). IEEE.

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (MinDef) telah berjaya mengadakan Program Eksplorasi @ Hiking Taman Bukit Tugu pada 1 Julai 2023 bertempat di Taman Tugu Negara. Program ini telah bermula seawal pukul 8.00 pagi dengan taklimat kepada para peserta berkenaan aspek keselamatan sepanjang eksplorasi ini berlangsung. Seramai 40 orang ahli PUSPANITA MinDef yang terdiri dari pelbagai Bahagian dan Jabatan telah menyertai program ini.

Program Eksplorasi ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat bersukan, gaya hidup sihat dalam kalangan ahli di samping mengeratkan silaturahim dalam kalangan sesama peserta. Selain itu, para peserta juga dapat menikmati dan menghayati keindahan alam semula jadi sepanjang laluan *hiking*. Malah para peserta juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar kenangan semasa aktiviti berlangsung. Semua peserta telah berjaya melepasi kesemua *check point trekking* di Taman Tugu ini.


PROGRAM EKSPLORASI @ HIKING TAMAN BUKIT TUGU



PROGRAM SENAM SENI BULAN KEBANGSAAN 2023

Bagi menyemarakkan semangat Bulan Kebangsaan, PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (MinDef) dengan kerjasama Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP) telah menganjurkan program Senam Seni sempena Bulan Kebangsaan 2023 di Dewan Seroja pada 16 Ogos 2023. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penyertaan sekurang-kurangnya 250 orang Warga Awam MinDef dan juga anggota tentera.

Bertemakan warna Jalur Gemilang, program ini bertujuan untuk memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan Warga Kerja MinDef di samping dapat merehatkan minda daripada kesibukan tugas hakiki. Semoga kerjasama antara PUSPANITA MinDef dan KAKEP diteruskan dengan pelbagai aktiviti menarik yang memberi impak yang positif kepada Warga Kerja MinDef. Ayuh kita bersama-sama membudayakan gaya hidup sihat dalam menyemarakkan nilai-nilai patriotisme sepanjang Bulan Kebangsaan ini.



PROGRAM LESEN MOTOSIKAL BERKELOMPOK KELAS B KEMENTERIAN PERTAHANAN

Seramai 33 orang peserta Kumpulan 3 & 4 Program Lesen Motosikal Berkelompok Kelas B Kementerian Pertahanan telah menghadiri sesi Ujian Litar yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Cawangan Wilayah Persekutuan pada 21 Julai 2023. Sesi tersebut juga turut dihadiri oleh YBrs. Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd Nor, Presiden KAKEP yang juga merupakan salah seorang peserta. Program yang dimulakan pada bulan Julai 2022 ini telah memberi kemudahan kepada seramai 83 orang kakitangan Kementerian Pertahanan untuk mendapatkan Lesen Motosikal Kelas B dengan kadar harga yang berpatutan. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan.



PENCAPAIAN PASUKAN BOLA SEPAK LELAKI KAKEP DALAM KEJOHANAN BOLA SEPAK MAKSWIP 2023

Kejohanan Bola Sepak MAKSWIP yang telah berlangsung pada 4 hingga 6 Ogos 2023 bertempat di Presint 5, Putrajaya melabuhkan tirainya. KAKEP menghantar satu (1) pasukan yang terdiri daripada 20 orang pemain dan seorang pengurus.

Bilangan pasukan yang bertanding dalam edisi Kejohanan Bola Sepak MAKSWIP 2023 ialah sebanyak 68 pasukan. Pencapaian pasukan Bola Sepak KAKEP bagi penyertaan edisi kali ini ialah seperti berikut:-

Peringkat Kumpulan
KAKEP vs MARITIM A (2-1)
KAKEP vs KBP JPM (0-0)
KAKEP vs LPPKN (2-0)

Pusingan Ke 2 (32 Terbaik)
KAKEP vs KKM (1-0)

Pusingan Ke 3 (16 Terbaik)
KAKEP vs DBKL A (0-0)
Penentuan sepakan penalti (3-5)

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemain serta pengurus yang terlibat atas komitmen serta kesungguhan yang telah diberikan dalam penyertaan pasukan KAKEP ke Kejohanan Bola Sepak MAKSWIP 2023.



KUASA PERKATAAN **POSITIF** YANG MENGHASILKAN PERASAAN YANG LEBIH BAIK

Artikel Disediakan Oleh:

Yusfahida Binti Mohd Yusoff
Penolong Pegawai Psikologi
Cawangan Pengurusan Psikologi,
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Perkataan mempunyai kuasa yang sangat besar dan dapat memberi kesan serta merta pada suasana hati kita untuk bertahan dalam masa yang lama. Menggunakan perkataan positif boleh mengubah kehidupan kita, kerana perkataan positif membantu kita memperbaiki cara kita berkomunikasi, hubungan kita dengan orang lain dan dalam masa yang sama dapat merangsang emosi yang positif. Oleh itu, wajar dikongsikan cara menggunakan perkataan yang lebih positif agar dapat menjadi seorang yang lebih baik dan berjaya.





1. UBAHSUAI BAHASA ANDA

Langkah pertama ialah untuk mengingati apa yang dihantar. Apa yang anda mahukan supaya orang dapat menerima apa yang ingin anda sampaikan. Untuk melakukan itu, cuba untuk tidak menggunakan kata-kata yang negatif, lebih kurang, menghina dan memalukan.

Beri pujian dan motivasi secara positif, bukan melalui kritikan yang merosakkan. Cuba beritahu mereka bahawa “boleh cuba lagi” dan “saya amat menghargai usaha yang telah dilakukan”. Jangan menggunakan perkataan kosa kata seperti “anda tidak tahu untuk melakukan apa-apa”.

2. ELAKKAN LABEL NEGATIF

Menggunakan perkataan seperti “kekok”, “sia-sia” atau “malas” secara tidak langsung boleh mempengaruhi tanggapan orang lain terhadapnya. Dan apa yang lebih serius, individu yang mempunyai personaliti seperti itu akan percaya bahawa ia benar-benar seperti itu. Oleh itu, jika anda perlu melabel seseorang, cuba lakukannya dengan cara yang positif dan memberi makna serta dapat memberi motivasi kepada seseorang.

3. BERKOMUNIKASI MELALUI EMOSI

Untuk mengetahui perkataan yang sesuai digunakan kepada orang lain, anda perlu mempunyai ‘empati’. Bukan sahaja anda harus sedar emosi sendiri tetapi anda perlu meletakkan diri anda di tempat orang lain. Dengan kata-kata kita boleh membuat orang ketawa, menangis, menderita, berputus asa dan menggalakkan orang ramai. Oleh itu, penggunaan bahasa yang positif boleh mengubah cara kita berfikir dan dalam masa yang sama dapat meraikan emosi orang lain dengan penggunaan perkataan yang tepat dan bermakna.

4. TUKAR MOOD ANDA

Tuliskan senarai kata motivasi (keseronokan, menyenangkan, baik, terima kasih, gembira, senyum) dan cuba membacanya dengan kuat setiap kali anda perlu mengubah dan menguruskan emosi anda. Anda akan melihat bagaimana latihan ini dapat memberikan perubahan besar kepada *mood* anda.

Yang penting ialah mengawal bahasa kita melalui latihan dan dengan itu dapat menyatukan kebiasaan untuk mengekspresikan diri kita dengan cara yang positif.

PENYAMPAIAN DERMASISWA PREMIUM DAN KOMPUTER RIBA HARGAI KECEMERLANGAN ANAK WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN

YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Karnival Pendidikan ATM serta Penyampaian Dermasiswa Premium dan Komputer Riba pada 4 Julai 2023 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Karnival Pendidikan ATM telah berlangsung pada 4 hingga 6 Julai 2023 bertemakan "Membangun Warga Kerja Pertahanan Ke Arah Masyarakat Berasaskan Pengetahuan".



YB Menteri Pertahanan telah menyampaikan Dermasiswa Premium kepada 28 orang penerima dan pemberian komputer riba kepada 64 orang penerima yang terdiri daripada anak-anak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Veteran ATM. Dermasiswa Premium merupakan bantuan *one off* sebanyak RM5,000 khas untuk anak-anak ATM dan Veteran ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran ke 100 universiti terbaik dunia. Manakala pemberian komputer riba sebanyak 200 buah telah diperuntukkan untuk disumbangkan kepada anak-anak ATM dan Veteran ATM yang berjaya melanjutkan Pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam.



Dermasiswa Premium dan komputer riba adalah sumbangan yang disalurkan oleh Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) adalah sebagai satu komitmen YLTAT dalam merealisasikan pelaksanaan dan hala tuju Kertas Putih Pertahanan (KPP) dalam memastikan arah tuju pendidikan anak-anak warga ATM terus terjamin menerusi program-program sedia ada yang ditawarkan seperti Skim Penabungan Anak-anak ATM Rukun Kelima (SPARK), Program Sentuhan Elit SPM, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan SPM dan Program Bantuan Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Selain penyampaian Dermasiswa Premium dan komputer riba, turut diadakan pameran serta taklimat pendidikan kepada Warga Kerja Pertahanan yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta khidmat kaunseling ATM.



Pameran Perkhidmatan Ketenteraan dan Keselamatan Dalam Negeri Terunggul



NATSEC
ASIA 2024
THE 3RD INTERNATIONAL EXHIBITION ON NATIONAL SECURITY FOR ASIA

6-9 MAY 2024
MITEC, KUALA LUMPUR

Dihoskan, Disokong dan Dianjurkan Bersama:



KEMENTERIAN PERTAHANAN



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MEMBINA KETAHANAN NEGARA UNTUK GENERASI MASA HADAPAN

DISOKONG OLEH:



ANGKATAN TENTERA
MALAYSIA



POLIS DIRAJA
MALAYSIA



MAJLIS KESELAMATAN
NEGARA



JABATAN KASTAM
DIRAJA MALAYSIA



JABATAN
IMIGRESEN
MALAYSIA



AGENSI
PENGUATKUASAAN
MARITIM MALAYSIA



JABATAN PENJARA
MALAYSIA



MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN,
PENGUATKUASAAN DAN
KESELAMATAN NEGARA



PERBADANAN PEMBANGUNAN
PERDAGANGAN LUAR
MALAYSIA

AHLI KUMPULAN

DIPERAKUI OLEH



Imbas Kod QR
untuk muat turun
risalah DSA 2024

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi Pejabat Urusan Dsa & Natsec Asia 2024:
DSA EXHIBITION AND CONFERENCE SDN BHD (423338-H)

V06-3A-05, Signature 2,
Sunway Velocity, Lingkaran SV,
55100 Kuala Lumpur

T: +603 2702 7700
E: enquiry@dsaexhibition.com



Defence Services Asia



Defence Services Asia



@DSAMalaysia



dsamalaysia

WWW.DSAEXHIBITION.COM



Ar-RahnuKT

PERKHIDMATAN PAJAK GADAI

**CAWANGAN UTAMA KUALA LUMPUR &
KOTA BHARU KINI DIBUKA!**

**TERBUKA
KEPADA
SEMUA**

TERKINI!
Khas Untuk Anda

Had Pembiayaan Harian

RM75,000

Had Pembiayaan Terkumpul

RM300,000

Tertakluk kepada terma & syarat

03-2303 0000



www.katmb.com.my



Koperasi Tentera

